

20/04/2001

Malaysia dilanda wabak deklamasi

Imlan Adabi

TANPA kita sedari, baca puisi sudah menjadi wabak di seluruh negara. Setiap minggu, majlis berlangsung setiap pelosok tanah air meskipun sebelum ini ada suara keraguan betapa kemodenan boleh menghakiskan nurani insani.

Setidak-tidaknya fakta ini boleh dilihat kepada pesatnya majlis baca puisi baik yang dirancang secara teratur seperti dilakukan Berita Harian dengan kerjasama Persatuan Penulis Nasional (Pena) dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) setiap bulan, mahupun acara kecilan yang dilakukan persatuan dan individu tertentu pada peringkat negeri.

Majlis baca puisi di Rumah Pena (bermula Jun 1998) sehingga kini berjalan lancar. Acara setiap malam Sabtu awal bulan itu bukan sekadar mempertemukan penulis di ibu kota, bahkan karyawan luar kota dan generasi lama yang tiba-tiba gah kembali seperti Yassin Salleh dan Ibrahim Ghafar. Malah Rumah Pena kini dengan adanya Galeri Pena menjadi tempat pertemuan seniman pelukis tanah air.

Pada malam 6 April lalu, Puspa pimpinan Abham TR sebagai tamu tampil dengan gaya tersendiri. Bulan lalu Pelita memeriahkan laman Rumah Pena meskipun mendapat gangguan gerimis kecil. Bulan depan, Rejab FI dan Persatuan Penulis Perlis (3P) bakal menggegarkan Rumah Pena. Kita harap Nahmar Jamil dan Cheng Poh Hock turut serta kerana mereka adalah antara penulis Utara yang berjiwa dan berjasa sejak dekad 60-an lagi.

Begitulah, majlis baca puisi sudah menjadi wabak sekarang. Tanpa banyak publisiti, apatah lagi ganjaran kewangan yang menimbun, di tangan Berita Harian puisi sudah merakyat. Puisi sudah menjadi kemestian dalam setiap agenda, malah di kampus, puisi sudah menjadi iltizam generasi intelektual muda untuk memperkasa jiwa dan nurani bangsanya.

Justeru, tidak menghairankan apabila dua universiti sudah diserbu penyair ternama tanah air dengan pelbagai rentak dan pencaknya. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan Pusat Kebudayaan dan orang kuatnya Diani Kasian memulakan acara Kembara Puisi IPT yang bertema Suara Nurani Jati Diri Bangsa pada 20 Januari lalu.

Majlis anjuran Berita Harian dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (Makum) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) itu melangkah ke kampus Universiti Malaya (UM) bulan lalu dan pada 13 April lalu, Dataran Budi, Institut Bahasa Melayu Malaysia (IBMM) pula menjadi tumpuan.

Ini sudah tentu meraih tumpuan yang tidak sedikit. Pelbagai tema dan watak penyair tanah air dapat disaksikan.

Persoalannya kenapa puisi tiba-tiba menjadi wabak? Kenapa puisi yang agak malap pada dekad 90-an tiba-tiba menjadi sebutan ramai malahan pada majlis baca puisi di Johor dua minggu lalu, kehadiran penonton menyamai persembahan Siti Nurhaliza?

Semuanya disebabkan oleh puisi itu sendiri. Puisi dilihat dari sudut manapun tetap jujur pengucapannya. Kehidupan penyair itu sendiri turut jujur untuk merakam citra jagat, menegur sosial dan sentiasa berada di depan khalayaknya sendiri.

Penyair tulen adalah insan yang mengiltizamkan mindanya sesuai dengan daya intelektual dan persepsinya.

Justeru, demi kejujuran, apabila penyair tampil ke pentas, pengucapannya langsung ke jiwa penonton. Hal itu tidak dapat dirasakan pada majlis pesta rock dan dangdut yang agak luaran kesannya.

Tradisi baca puisi sudah lama berakar umbi dalam sejarah kesusasteraan tanah air. Sejak Asas 50 lagi, puisi mendapat khalayak yang tersendiri, meskipun kita akui kehadiran khalayak tidak semestinya kerana puisi semata-mata.

Ketika Usman Awang dan Masuri SN berpuisi bersama teman Asas 50, masyarakat yang baru mengenal erti kemerdekaan melihat puisi sebagai cermin sosial yang pelbagai. Harapan dan perjuangan amat perlu bagi sebuah bangsa muda yang baru merdeka.

Pada dekad 60-an, puisi mula melangkah ke kampus. Usman Awang mempelopori baca puisi di Universiti Malaya. Beberapa nama baru ketika itu termasuk A Latiff Mohidin, A Ghafar Ibrahim, Firdaus Abdullah, Darmawijaya, Kemala, Jihaty Abadi dan Suhaيمي Muhamad menjadi sebutan di bibir peminat sastera tanah air.

Pada dekad 70-an, Grup Teater Elit (GTE) dan Anak Alam begitu popular dengan acara baca puisi. Anak Alam terkenal kerana majlisnya yang santai, namun kaya dengan perenungan peribadi.

GTE terkenal dengan caranya sendiri yang mengikut Dinsman, 'main-main'. Nama seperti A Latiff Mohidin, Mustafa Ibrahim, Siti Zainon Ismail dan Khalid Salleh agak gagah ketika itu. Lebih menarik lagi apabila GTE yang dipelopori Dinsman dan Sutung Umar RS berjaya membawa puisi ke hotel yang tentunya ketika itu dianggap sesuatu yang luar biasa, apatah lagi setiap dua minggu sekali.

Banyak penelaah seni menganggap usaha GTE sebagai mengangkat martabat puisi dan penyair sendiri, kerana ketika itu puisi dan penyair didakwa oleh sesetengah pihak layak dibaca di balai raya atau di bawah pokok di tepi pantai saja!

Peminat seni tanah air juga tentu tidak boleh melupakan sumbangan Malaysian Art Theater Group (MATG) yang berjaya menganjurkan Malam Cempaka Berbunga di Kuala Lumpur pada awal 70-an. Majlis yang agak terancang itu bukan saja dihadiri penyair, pelukis dan pelakon, malahan beberapa tokoh politik penting waktu itu seperti Tan Sri Ghazali Shafie.

Pada dekad 80-an, acara baca puisi terus berkembang dan menjadi tradisi menarik di seluruh negara. Persatuan Penulis Kelantan (PPK) naungan Tan Sri Hussein Ahmad, menggerakkan majlis di beberapa tempat menarik di negeri itu.

Beberapa persatuan lain turut aktif di Kelantan seperti Puspa, Pesisir dan Gema yang berjaya menampilkan beberapa penyair, sekali gus deklamator berbakat seperti Awang Abdullah, Mustapha Jusuh dan Aziz Mohamad Noor.

Ladin Nuawi - penulis muda yang dianggap bara baru oleh Datuk A Samad Said, turut berkembang dengan pesat apabila melahirkan kumpulan puisi Sajak-Sajak Luka dan Peta Puisi Malaysia. Usaha Ladin menjelajah dan meriuhkan majlis puisi menerima reaksi tersendiri.

Di Terengganu, Marzuki Ali dan Wan Ahmad Ismail menggerakkan Kumpulan Teater Asyik dan Tetamu. Meskipun kedua kumpulan ini lebih terarah kepada kegiatan teater, namun acara baca puisi tidak dikesampingkan. Mereka berjaya melahirkan Maarof Seman RS dan Abdul Mubin Ismail.

Terengganu juga beruntung apabila Pelita dibarisi pimpinan dinamik termasuk ahli politik seperti Datuk Rashid Ngah yang berjaya menjadikan majlis baca puisi sebagai sesuatu yang berhasil.

Di Pahang, Dewan Persuratan Melayu Pahang (DPMP) tidak terkecuali ikut memeriahkan majlis baca puisi. Tetapi sumbangan yang besar Pengarah Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri, Abdul Hamid Muhammad, tidak dinafikan oleh siapa pun. Kini setiap bulan baca puisi Pahang menggembara ke seluruh daerah dengan membawa nama besar dalam puisi seperti Rahimudin Zahari dan Marsli NO.

Begitu juga di Perlis dan Kedah, baca puisi bulanan di sana masih belum berjalan namun negeri itu mempunyai seniman berbakat besar seperti Puzi

Hadi.

Di Pulau Pinang, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin mengambil sendiri langkah positif memulakan Baca Puisi Bulanan.

Acara baca puisi mencapai peningkatan yang mendadak hingga ada sekumpulan anak muda yang sanggup berpuisi di bawah tiang lampu, di kaki lima Pasar Budaya dan Jalan Tuanku Abdul Rahman.

Bagi mereka puisi adalah apa-apa saja. Dan kerana apa-apa itulah, Puan Habib melahirkan Saraf Dukaku, sementara Sani Sudin, Siso dan Usop, bergabung menamakan kumpulan mereka Koprata (dalam bahasa Sanskrit) yang bermaksud salam sejahtera.

Selain di bawah tiang lampu, puisi juga mengundang khalayak di kebun bunga dan pusat riadah. Zaini Za, Aziz Talib, Jabar Isnin, Isnin Tawaf dan Nasaruddin Dasuki, menggelarkan diri mereka sebagai pengelola sastera akhbar tabloid, turut mengadakan baca puisi secara santai di Taman Tasik Perdana dan Taman Tasik Titiwangsa.

Nawawee Mohamad bersama temannya Ahmad Fadzillah Mohamad, Swanlerd Propoul, Ujid Darmawan, Sri Diah, Abdullah Tahir dan Gunawan Mahmud, menggerakkan Perkumpulan Penyajak Mutakhir yang akhirnya bergabung tenaga dengan mengelola sastera akhbar tabloid, menjayakan majlis baca puisi dan bedah karya di taman bunga sekitar ibu kota. Majlis santai ini akhirnya memberi ilham kepada penganjuran Perhimpunan Penyair Muda Malaysia pada 1987 di Padang Merbok, Jalan Parlimen yang menjadi wadah penulis generasi baru menyatakan sikap dan suara kesenimanannya mereka.

Sebelum itu, satu peristiwa penting yang tidak patut dilupakan ialah usaha GTE mengadakan Siri Malam Puisi Tanah Air naungan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Beberapa majlis baca puisi berjaya diadakan di Sabah, Pahang, Kedah, Negeri Sembilan dan Kuala Lumpur.

Kini, suasana baru pada alaf baru tidak menumpulkan minat khalayak puisi. Pena dan Berita Harian melangkah ke seluruh negara setiap bulan.

Pada masa yang sama, 14 IPT tempatan menjadi medan mengukur bakat siswa berpuisi di samping tokoh penyair tempatan.

Semuanya menjadi wabak menarik yang perlu dicatatkan dalam khazanah zaman. Benar, puisi sudah benar-benar menjadi wabak! Sebuah majlis begitu besar dan berwarna warni pun tidak sempurna dan gah kini jika tidak ada puisi.

(END)